

<p>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum tuan/puan membuat keputusan untuk memohon Akaun Semasa-i Mata wang Asing. Pastikan juga tuan/puan membaca terma dan syarat amnya.)</p>	<p>PUBLIC ISLAMIC BANK BERHAD 197301001433 (14328-V)</p> <p>Nama Produk yang ditawarkan: Akaun Semasa-i Mata wang Asing (FCY CA-i)</p> <p>Tarikh:</p>
<p>1. Apakah produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> Akaun semasa patuh Syariah yang dikendalikan dalam mata wang asing. 	
<p>2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?</p> <ul style="list-style-type: none"> Qard atau pinjaman tanpa faedah – Deposit dalam akaun semasa adalah dianggap seperti ia adalah 'pinjaman tanpa faedah' daripada pelanggan kepada Bank dan oleh itu, ianya tidak memberi sebarang pulangan kepada pemegang-pemegang akaun. Wa'd – Janji satu pihak (unilateral) yang merujuk pada pernyataan komitmen yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak yang lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa hadapan. Bai' al-Sarf – Kontrak pertukaran wang untuk wang daripada jenis yang sama atau berbeza. 	
<p>3. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> Deposit permulaan minimum sebanyak Dolar AS1,000 atau yang bersamaan dengannya dalam jenis mata wang asing yang lain. Terdapat dalam 5 mata wang asing utama iaitu Dolar Australia (AUD), Euro (EUR), Pound Great Britain (GBP), Dolar AS (USD) dan Dolar New Zealand (NZD). Menguruskan risiko kadar pertukaran dan mudah untuk penyelesaian dana. Buku cek dan kad ATM tidak akan diberikan. Penyata Akaun Bulanan akan diberikan. Tidak perlu mengekalkan baki minimum di dalam akaun ini. FCY CA-i dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit. 	
<p>4. Apakah terma dan syarat utama lain produk ini yang saya perlu tahu?</p> <ul style="list-style-type: none"> Pencadang tidak diperlukan apabila membuka akaun baru. Setiap jenis mata wang asing yang berbeza perlu dikendalikan dalam akaun yang berasingan. Akaun Ringgit Malaysia (RM) biasa mestilah dibuka sebelum membuka FCY CA-i untuk mendebitkan caj atau fi. Deposit dan pengeluaran mata wang asing dalam tunai tidak dibenarkan. Deposit FCY CA-i boleh dibuat melalui: <ul style="list-style-type: none"> a) Penukaran RM berdasarkan harga jualan semasa Bank pada masa peletakan. b) Penukaran daripada satu jenis mata wang asing kepada mata wang asing yang lain. c) Dana yang diterima melalui pemindahan bertelegraf atau cek asing. Kelayakan: <ul style="list-style-type: none"> a) Individu: Akaun perseorangan iaitu individu berumur 18 tahun dan ke atas (pemastautin/bukan pemastautin) atau bersama, akaun pemilik tunggal atau perkongsian. b) Bukan individu: Pertubuhan, Persatuan, Kelab dan entiti perniagaan yang aktiviti perniagaan mereka yang patuh Syariah. 	

4. Apakah terma dan syarat utama lain produk ini yang saya perlu tahu?, sambungan

- Dokumentasi yang diperlukan:
 - a) MyKad atau pasport yang sah serta permit pekerjaan yang sah untuk bukan pemastautin.
 - b) Bagi perusahaan perniagaan:
 - Memorandum dan Tataurusan Syarikat, Borang 24 dan 49 dan Resolusi Syarikat untuk membuka akaun (sebelum pelaksanaan Akta Syarikat 2016).
 - Seksyen 17 - Notis Pendaftaran, Seksyen 14 - Permohonan Pendaftaran Syarikat, Seksyen 58 dan 236 (2) - Pemberitahuan Pelantikan Setiausaha Syarikat Pertama, Resolusi Lembaga untuk membuka akaun dan Perlembagaan (selepas pelaksanaan Akta Syarikat 2016).
 - c) Bagi pertubuhan/persatuan: Sijil Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Pendaftar Pertubuhan, Perlembagaan/Peraturan/Undang-undang Kecil persatuan serta Resolusinya untuk membuka akaun.
 - d) Bagi empunya tunggal atau perkongsian: Sesalinan Maklumat Perniagaan dan Maklumat Pemilik Terkini serta Borang D yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
- Akaun ini adalah tertakluk kepada dasar dan arahan BNM serta undang-undang Malaysia termasuk Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing.

5. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?

- Fi Pengendalian Akaun
 - a) RM30.00 (atau yang setara) setahun bagi setiap pelanggan.

Nota:

- Amaun bersekadar sebanyak RM15.00 (atau yang setara) hendaklah dicaj ke atas akaun yang dibuka pada atau selepas 1 Julai.
- Selepas itu, amaun penuh sebanyak RM30.00 (atau yang setara) mesti dibayar pada 1 Disember pada tahun berikutnya.
- Caj urus niaga:

Jenis Pelanggan	Jenis Mata Wang	Fi Urus niaga bagi setiap Urus niaga Debit
• Pelanggan Individu	USD	USD1.00
	GBP	GBP0.50
	AUD	AUD1.00
	EURO	EUR0.50
	NZD	NZD2.00
Nota: Pelanggan individu merujuk pada pemastautin, bukan pemastautin, empunya tunggal dan perkongsian.		
• Pelanggan bukan Individu		• USD4.00 (atau yang bersamaan dengannya dalam RM) bagi setiap urus niaga debit (pembayaran)

Untuk senarai penuh fi dan caj, sila layari lama web kami di www.publicislamicbank.com.my.

6. Apakah risiko utama?

Pelanggan-pelanggan FCY CA-i akan terdedah kepada risiko yang berikut:

- Risiko pertukaran asing/risiko mata wang silang ialah risiko yang berkaitan dengan deposit yang didenominasikan dalam mata wang asing. Turun naik dalam kadar pertukaran asing boleh menjejaskan jumlah deposit selepas pertukaran daripada mata wang asing.

7. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting bagi tuan/puan memaklumkan kepada kami (secara bertulis dialamatkan kepada cawangan Pemegang Akaun) mengenai apa-apa perubahan dalam maklumat untuk menghubungi tuan/puan bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada tuan/puan tepat pada masanya.

8. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Hubungi talian percuma Bank melalui 1-800-22-5555 semasa waktu kerja.
- Kunjungi cawangan Public Bank/Public Islamic Bank yang terdekat.
- Layari laman web Public Islamic Bank melalui www.publicislamicbank.com.my.

9. Apakah jenis Akaun Mata wang Asing lain yang disediakan?

- Tiada.

AMARAN

TERDAPAT RISIKO KADAR PERTUKARAN DALAM DEPOSIT MATA WANG ASING DISEBABKAN TURUN NAIK KADAR PERTUKARAN MATA WANG ASING BERBANDING DENGAN RINGGIT MALAYSIA.

Maklumat yang terdapat dalam lembaran pendedahan ini adalah sah seperti pada _____

UNTUK KEGUNAAN DALAMAN PIBB SAHAJA

SAYA MENGESAHKAN BAHAWA SESALINAN LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK INI TELAH DIBERIKAN DAN DIJELASKAN KEPADA PEMOHON.

TANDATANGAN/TARIKH: _____

NAMA PEGAWAI/SME: _____